

# Kes tertinggi sumbang mahram babit kanak-kanak

→ Ramai mangsa kenali pelaku  
dedah selepas kejadian berulang



Oleh Wan Noor  
Hayati Wan Alias  
wanti@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**anak-kanak di negara ini menjadi mangsa tertinggi kes sumbang mahram dan lebih membimbangkan ialah pelaku jenayah berkenaan adalah bapa kandung mereka sendiri.

Berdasarkan perangkaan Bukit Aman, kes membabitkan mangsa kanak-kanak adalah sebanyak 83 peratus daripada 1,353 yang direkodkan sepanjang lima tahun sejak 2013.

Pelaku tertinggi jenayah berkenaan adalah bapa mangsa sendiri yang mewakili hampir 25 peratus daripada keseluruhan kes terbabit, diikuti bapa tiri, bapa saudara dan abang.

Kebanyakan kes sumbang mahram direkodkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berlaku dalam keluarga berpendapatan rendah dan sederhana, dengan keruntuhan institusi keluarga yang saling berkait dengan faktor ekonomi, pendidikan dan pengaruh persekitaran menjadi antara punca utama.

Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Superintendan Siti Kamsiah Hassan, berkata apabila ekonomi keluarga tidak stabil, ia menyebabkan anak menjadi sasaran mudah jenayah sumbang mahram.

"Contohnya, keluarga yang terpaksa mendiami rumah tanpa

bilik, menyebabkan anak menjadi sasaran mudah jenayah berkenaan," katanya kepada BH.

Beliau berkata, aliran jenayah sumbang mahram menunjukkan pentingnya aspek ilmu pengetahuan serta menyeimbangkan tuntutan kerjaya dan keluarga.

Siti Kamsiah berkata, kes sumbang mahram dalam tempoh itu adalah sebahagian daripada keseluruhan 21,684 kes jenayah seksual yang direkodkan pihaknya antara 2013 hingga 2017, bersama jenayah rogol, seks luar tabii, cabul kehormatan dan mendatangkan keaiban.

"Sebanyak 13,642 kes atau 63 peratus daripada keseluruhan kes jenayah seksual yang dilaporkan dalam tempoh berkenaan membabitkan mangsa kanak-kanak," katanya.

## Kenal mangsa

Beliau berkata, 89 peratus daripada keseluruhan kes jenayah seksual itu dilakukan individu yang sememangnya mengenali mangsa, sama ada ahli keluarga, jiran dan sahabat.

Siti Kamsiah mengakui status kanak-kanak yang dilihat 'lemah' berikutan faktor usia dan keupayaan yang terbatas, meletakkan golongan itu sebagai sasaran paling mudah jenayah seksual.

"Kanak-kanak berusia 13 hingga 15 tahun paling ramai menjadi mangsa jenayah seksual dan kebanyakan kes dilaporkan kepada polis selepas jenayah itu berulang kali dilakukan.

"Sebagai contoh, ada mangsa terpaksa menjadi pemuas nafsu

sebelum 10 tahun dan akhirnya jenayah itu terbongkar selepas mangsa berupaya menceritakan kejadian sebenar kepada pihak lain.

## Tiada tempat mengadu

"Pada peringkat awal kejadian rogol atau sumbang mahram, biasanya mangsa tidak akan menceritakan kejadian itu kerana tiada tempat mengadu atau tidak tahu ia salah, malah ada mangsa diumpun duit oleh suspek setiap kali dirogol," katanya.

Beliau berkata, secara umumnya jenayah seksual berlaku disebabkan wujudnya peluang dan ia didorong tiga elemen utama, iaitu kewujudan sasaran atau mangsa bersesuaian seperti usia terlalu muda serta terbatas keupayaan fizikal dan mental.

"Elemen lain termasuk kewujudan penjenayah yang ada niat untuk melakukan jenayah serta peluang akibat tiada penjaga yang mampu melindungi mangsa, rumah yang tiada bilik dan sebagainya," katanya.

Siti Kamsiah berkata, PDRM berdepan cabaran dalam proses siasatan jenayah seksual membabitkan mangsa kanak-kanak apabila kejadian biasanya dilaporkan selepas sudah lama ia berlaku, selain faktor tiada saksi.


"Bahan bukti yang sudah hilang akibat lewat buat laporan atau mangsa sudah membersihkan diri selepas kejadian, juga mencetuskan kekangan siasatan, selain faktor mangsa masih kecil, kurang upaya seperti lembam dan sebagainya," katanya.



Aliran jenayah sumbang mahram menunjukkan pentingnya aspek ilmu pengetahuan serta menyeimbangkan tuntutan kerjaya dan keluarga”

**Siti Kamsiah Hassan,**  
 Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11), Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman

### PECAHAN KES MENGIKUT UMUR MANGSA



### HUBUNGAN SUSPEK DENGAN MANGSA KES SUMBANG MAHRAM 2013-2017

HUBUNGAN	KES	PERATUSAN
Datuk	18	1.50%
Datuk tiri	15	1.25%
Datuk angkat	2	0.17%
Datuk saudara	12	1.00%
Bapa	299	24.94%
Bapa tiri	284	23.69%
Bapa saudara	223	18.60%
Bapa saudara tiri/angkat	3	0.25%
Bapa mentua	1	0.08%
Bapa angkat	9	0.75%

JUMLAH KES: 1,121